

PENJAJARAN AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH KLUSTER & KECEMERLANGAN DAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN: TINJAUAN AWAL

**Hishomudin Ahmad¹, Mohd Faisal Ibrahim², Nabilah Yusof³

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

²Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

³Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author's email: hishomudin@usim.edu.my

Submission date: 07 March 2017 Accepted date: 17 April 2017 Published date: 25 May 2017

Abstrak

Kemahiran insaniah merupakan elemen penting yang perlu dipupuk di kalangan pelajar-pelajar bermula dari sekolah menengah dan seterusnya institusi pengajian tinggi melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum. Ia penting dalam membantu mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji penjajaran aktiviti kokurikulum antara sekolah menengah kluster & kecemerlangan dengan universiti penyelidikan di Malaysia. Kajian kualitatif dijalankan dengan menggunakan kaedah analisa kandungan laman web institusi yang terlibat. Perbandingan dilakukan dengan menganalisa aktiviti kokurikulum di tiga buah sekolah menengah kluster & kecemerlangan dan tiga buah universiti penyelidikan di Malaysia yang dipilih secara persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati 25% daripada aktiviti kokurikulum mempunyai penjajaran di antara kedua-dua institusi, khususnya dalam teras sukan dan kesukarelawanan. Sementara itu, 75% aktiviti kokurikulum tiada penjajaran langsung antara kedua-dua institusi, di mana 50% daripadanya hanya ditawarkan di universiti penyelidikan sahaja, dan 25% hanya ditawarkan di peringkat sekolah menengah kluster & kecemerlangan. Perkara ini menyebabkan penerapan kemahiran insaniah melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum di kalangan pelajar tidak dapat dilakukan secara optimum kerana tiada penjajaran di antara kedua-dua institusi pendidikan.

Katakunci: *kemahiran insaniah; penjajaran aktiviti kokurikulum; sekolah menengah kluster; kecemerlangan; universiti penyelidikan*

Abstract

Soft skills are important and it needs to be developed among students from secondary school until their higher education through co-curriculum activities. It is an essential skill for their employment in the future. Hence, this study is conducted to analyse the alignment of co-curriculum activities offered by Cluster & Excellent Schools and Research University in Malaysia. This study is a qualitative study using content analysis of the website of each institution involved. Comparison was done between three cluster schools & excellent schools and three researches university through purposive sampling. The result shows that only 25% of curriculum activities match with two institutions, especially in sport and voluntary activities. However, 75% of co-curriculum activities offered by both schools and institutions do not align. 50% of co-curriculum activities only offered in institutions while 25% of co-curriculum activities offered in school only. Therefore, the implementation of soft skills is not fully developed because of misalignment of co-curriculum activities between these two institutions.

Keywords: *soft skills; alignment of co-curriculum activities; cluster & excellent school; research university*

1.0 PENGENALAN

Kemahiran insaniah adalah kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh para pelajar pada hari ini dalam melangkah alam pekerjaan kelak. Ia boleh diperolehi secara langsung atau tidak langsung melalui aktiviti-aktiviti di dalam kelas atau di luar kelas. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah merupakan platform penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar di peringkat awal, dan seterusnya digilap di peringkat universiti.

Kemahiran ini berkait rapat dengan kebolehpasaran mahasiswa selepas menamatkan pembelajaran di universiti. Kajian sedia ada memfokuskan kepada keperluan dan persepsi majikan terhadap graduan yang mempunyai kemahiran (Hairi, Ahmad, & Razzaly, 2011; Kee, Ahmad, Ibrahim, & Nie, 2012; Omar, Manaf, Mohd, Kassim, & Aziz, 2012) cara penerapan kemahiran insaniah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Keong, 2014; Rodiah, Siti Rahayah, & Noriah, 2009), dan juga persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam pelbagai bidang pengajian (Azmi Shah, Mohd Fariiqul Amin, & Rosli, 2010; Esa et al., 2008; Noor Azean & Lynn, 2010; Yusof, Jamaluddin, & Mat Lazim, 2013; Yusof, Lazim, & Jamaluddin, 2013).

Sementara itu, kajian berkaitan kemahiran insaniah di peringkat sekolah menengah kurang dijalankan. Kajian sedia ada memfokuskan kepada kajian perbandingan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah teknik (Hashim & Hasmadi, 2005), komitmen guru sokongan ibubapa dalam aktiviti kokurikulum (Annamalai, Othman, & Abdullah, 2007) (Habib & Syed Kamaruzaman, 2011), peranan persekitaran sekolah dalam menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum (Mohd Fazli, Suhaida, & Soaib, 2013). Oleh itu, artikel ini bertujuan membuat Analisa perbandingan antara penawaran aktiviti kokurikulum di dua institusi pengajian, peringkat sekolah menengah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Kemahiran Insaniah

Secara amnya, kemahiran insaniah dapat didefinisikan dengan pelbagai cara dan ianya tidak mempunyai definisi yang khusus dan tepat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penggunaan istilah kemahiran insaniah (*soft skills*) di setiap negara yang berbeza walaupun matlamat dan ciri-ciri yang dipraktikkan adalah hampir sama. Antaranya, istilah di Australia yang digunakan adalah '*key competencies*', '*soft skills*', atau '*employable skills*'. New Zealand pula telah menggunakan istilah '*essential skills*' manakala di Amerika Syarikat, istilah '*necessary skills*', '*employability skills*' atau '*workplace know-how*' telah digunakan. Di United Kingdom, istilah '*key skills*' atau '*core skills*' digunakan untuk merujuk kepada kemahiran insaniah ini (Mohamad Zaid et al., 2008).


Kemahiran insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik. Ia merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan ketrampilan diri, personaliti dan kemanusiaan. Kemahiran ini diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dan cemerlang dari pelbagai aspek contohnya pekerjaan dan kehidupan (Fauziah & Rozita, 2014; Keong, 2014; Rodiah et al., 2009).

Kemahiran insaniah merupakan elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global serta pesat dengan perubahan teknologi. Pada tahun 2008 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah menggariskan tujuh teras kemahiran insaniah yang perlu diterapkan oleh Universiti Awam (UA) bagi memastikan bakal graduannya memiliki kecekapan, keterampilan dan mampu bersaing dalam era global iaitu:



Rajah 1 Tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPTM)
 Sumber: Adaptasi dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, (2006)

Dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di Universiti Awam, pihak KPTM telah mengkategorikan aktiviti-aktiviti kokurikulum kepada lapan teras utama bagi aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti gambar rajah berikut:



Rajah 2 Lapan teras aktiviti kokurikulum dalam penerapan kemahiran insaniah
 Sumber: Adaptasi daripada Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah, (2017)

2.2 Aktiviti Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum bermaksud apa-apa aktiviti yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Ia memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah (Nor Hidayah & Yusmaria, 2014). Aktiviti kokurikulum merupakan elemen kedua yang ditekankan oleh kurikulum kebangsaan dalam membantu perkembangan seseorang murid dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta memupuk nilai moral (Akhmal Annas, Hussin, Ismail Sabri, Rohana, & Muhammad Sukri, 2011).

Aktiviti kokurikulum juga merupakan pemangkin penerapan kemahiran insaniah pelajar, sama ada di peringkat sekolah mahu pun pengajian tinggi. Penerapan itu perlu terurus, sistematik dan berlaku penjajaran antara dua institusi pengajian, iaitu sekolah menengah yang dikawal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan institut pengajian tinggi dan Universiti Awam yang diselia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). Kerjasama erat antara kedua-dua kementerian diperlukan untuk membina modal insan di Malaysia, di mana pada tahun 2013 kedua-dua kementerian berada di bawah satu bumbung, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hasil penggabungan tersebut, pihak kementerian telah mewujudkan dua pelan pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, (PPPM) 2015-2025 untuk sekolah-sekolah dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) bagi tujuan penjajaran kedua-dua institusi tersebut.

Terdapat perbezaan penawaran aktiviti-aktiviti kokurikulum di antara kedua-dua institusi pengajian ini, di mana institusi pengajian tinggi Malaysia melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut dalam bentuk kursus berkehadapan yang mengambil masa antara satu dan enam semester. Sementara di peringkat sekolah menengah aktiviti-aktiviti kokurikulum dijalankan sepanjang tahun.

2.3 Kepentingan Kemahiran Insaniah

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, penekanan diberikan kepada usaha meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk 'Minda Kelas Pertama' dalam kalangan rakyat Malaysia sejajar dengan perkembangan era terkini, iaitu melahirkan modal yang berdaya saing, cekap, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pekerjaan (Keong, 2014). Ia perlu dititikberatkan bermula dari peringkat bangku sekolah supaya insan yang akan dihasilkan memberi manfaat dan mampu memenuhi keperluan industri negara (Norani & Sazalie, 2010).

Pencapaian akademik sahaja tidak menjamin bagi para graduan untuk diterima terus ke pasaran pekerjaan kerana keperluan majikan dan cabaran pekerjaan berubah-ubah. Kebanyakan majikan bukan sahaja menjadikan pencapaian akademik sebagai kriteria utama pemilihan, tetapi juga meletakkan penguasaan kemahiran insaniah di kalangan graduan sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjanya. (Azim, Hazrul Izuan, & Mohd Sofiean, 2013; Mohd Hafeez Al-Amin, 2013). Justeru itu, institusi pendidikan harus memainkan peranan dengan menitik beratkan tentang kepentingan kemahiran insaniah sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global bagi menangani isu kualiti produk IPT (Keong, 2014).

2.4 Sekolah Menengah Kluster & Kecemerlangan dan Universiti Penyelidikan

Dalam konteks Malaysia, sekolah menengah kluster & kecemerlangan, dan universiti penyelidikan merupakan dua institusi yang mendapat pengiktirafan yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan. Kedua-dua institusi tersebut mempunyai kelebihan pemilihan pelajar, infrastruktur, tenaga pengajar pakar, keunikan program akademik dan halatuju dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang bermutu.

Sekolah kluster adalah satu jenama yang diberi kepada sekolah-sekolah di Malaysia yang telah dikenal pasti cemerlang dalam klusternya dari aspek pengurusan sekolah dan pencapaian murid. Ia diwujudkan untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah dilakukan dengan menjana kluster kecemerlangan pendidikan mengikut bidang khusus (*niche areas*) dalam kepelbagaian jenis sekolah di Malaysia. Tujuan utama sekolah ini diwujudkan adalah agar dapat menjadi penanda aras sekolah-sekolah lain dalam klusternya khususnya dan sekolah-sekolah lain amnya.

Universiti penyelidikan merupakan universiti awam yang telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2006 untuk menjadi hab kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan. Ia terdiri daripada lima

(5) buah universiti awam iaitu: Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pengiktirafan ini dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria kecemerlangan yang telah ditetapkan oleh pihak KPTM dan beberapa agensi penarafan terkemuka antarabangsa, iaitu bidang pengajian berfokuskan penyelidikan, kemasukan kompetitif, pensyarah berkualiti dan nisbah siswazah dan pascasiswazah 50:50.

Oleh itu, kedua-dua institusi ini mempunyai kaitan yang antara satu sama lain, di mana ia pemangkin dalam pembinaan kecemerlangan pelajar-pelajar dari aspek akademik dan kokurikulum. Kesenambungan perkhidmatan pendidikan antara kedua-dua institusi ini penting dalam membina modal insan yang yang cekap. Dari aspek kemahiran insaniah, penjajaran aktiviti-aktiviti kokurikulum adalah wajar dan perlu diberi perhatian dalam mengimbangi pencapaian akademik dan pembinaan syakhsiah pelajar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam menganalisa data sekunder iaitu laman web institusi-institusi terlibat sehingga Julai 2015. Institusi pendidikan dalam kajian ini dipilih secara persampelan bertujuan yang terdiri daripada tiga sekolah kluster & kecemerlangan dari negeri Selangor, Pahang dan Perak. Sementara itu tiga buah universiti penyelidikan yang terlibat terletak di Pulau Pinang, Selangor dan Johor (kampus Kuala Lumpur).

Kaedah analisis data telah diadaptasi dari kaedah analisa kerangka (*framework analysis*) yang dicadangkan oleh Ritchie & Spencer (2002). Kaedah ini dapat menghasilkan dapatan kajian secara sistematik bersandarkan kepada kerangka yang telah dipilih atau dibina. Dalam kajian ini, data dikumpulkan seterusnya dianalisa dan dikategorikan mengikut lapan teras aktiviti kokurikulum yang diperkenal oleh KPT, iaitu: teras sukan, teras kebudayaan, teras kesukarelawan, teras pengucapan awam, teras kepimpinan, teras daya usaha dan inovasi, teras khidmat komuniti, dan teras keusahawanan. Teknik perbandingan digunakan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan aktiviti-aktiviti kokurikulum antara kedua peringkat universiti dalam melihat penjajaran aktiviti-aktiviti tersebut.

4.0 HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, penerapan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan di semua peringkat pendidikan sama ada di sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Ia merupakan kesinambungan sistem pendidikan di peringkat sekolah yang telah menggubal penyepaduan kemahiran insaniah dalam kurikulum pendidikan KBSM (Nor Hayati et al., 2010). Berikut merupakan jumlah aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di setiap institusi mengikut teras¹:

Jadual 1 Bilangan aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah kluster & kecemerlangan dan univerisiti penyelidikan

	SMKK1	SMKK2	SMKK3	UP1	UP2	UP3
Teras Daya Usaha & Inovasi	2	3	3	4	4	4
Teras Kebudayaan	1	2	3	14	11	6
Teras Kepimpinan	1	2	2	1	3	2
Teras Kesukarelawanan	7	9	9	6	3	3

¹SMKK adalah merujuk kepada sekolah menengah cluster dan kecemerlangan, dan UP adalah merujuk kepada universiti penyelidikan.

Teras Keusahawanan	2	1	2	0	0	1
Teras Khidmat Komuniti	3	2	3	0	2	2
Teras Pengucapan Awam	0	0	0	0	1	1
Teras Sukan	12	18	14	17	24	6
Tiada Teras	10	11	12	-	-	-
Keseluruhan	38	48	48	42	48	25
	134			115		

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan bilangan aktiviti-aktiviti kokurikulum dalam sekolah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan. Universiti penyelidikan mempunyai 115 kursus ko-kurikulum, di mana 42 kursus di UP1, 48 kursus di UP2 dan 25 kursus di UP3. Sementara itu, sekolah kluster & kecemerlangan mempunyai 134 aktiviti kokurikulum, di mana 38 aktiviti di SMKK1, 48 di SMKK2 dan 48 aktiviti di SMKK2.

Terdapat persamaan dan perbezaan antara aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah mahupun universiti-universiti tersebut. Teras pengucapan awam tidak mendapat sambutan di sekolah kluster & kecemerlangan, di mana tiada aktiviti kokurikulum ditawarkan oleh pihak sekolah. Selain daripada itu, ketiga-tiga sekolah mempunyai bilangan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang tidak termasuk dalam lapan teras aktiviti kokurikulum yang diperkenalkan oleh pihak KPTM.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penjajaran antara aktiviti kokurikulum antara sekolah menengah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan sebanyak 25%. Penjajaran ini terdiri daripada 17 kursus dalam teras sukan dan 6 kursus dalam teras kesukarelawanan. Selain itu adalah 2 kursus dalam teras daya usaha dan inovasi, dan masing-masing satu aktiviti dalam teras kebudayaan, keusahawanan dan kepimpinan (Lampiran 1).

Aktiviti sukan adalah aktiviti yang mempunyai persamaan yang paling banyak antara sekolah kluster & kecemerlangan dengan universiti penyelidikan. Kegiatan sukan adalah daya penggerak yang boleh merangsang proses pembelajaran di institusi pengajian. Perkara ini disokong oleh Islam di mana kegiatan sukan digalakkan untuk menjadikan tubuh badan sihat dan cergas. Ia dapat membantu individu menjadi sentiasa bersedia untuk melakukan amal ibadah sama ada ibadah bersendirian atau ibadah yang melibatkan masyarakat (Norervina, 2009).

Aktiviti kokurikulum di sekolah menengah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan juga cenderung kepada aktiviti teras kesukarelawanan. Penglibatan pelajar dengan aktiviti teras ini dengan sendirinya membentuk rasa simpati dan sifat tolong-menolong sesama manusia. Nilai murni seperti inilah yang perlu ada dalam diri setiap pelajar agar mereka bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah memiliki modal insan yang cemerlang (Julinawati, Mohammad Rezal, Bahari, & Ku Daud, 2012).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 75% aktiviti kokurikulum tidak mempunyai pensejajaran antara kedua-dua institusi pendidikan, di mana 50% dari aktiviti kokurikulum hanya ditawarkan di universiti penyelidikan sahaja. Ia meliputi 24 kursus dalam teras kebudayaan, 13 kursus dalam teras sukan, 6 kursus dalam teras daya usaha & inovasi, 4 kursus dalam setiap teras kepimpinan dan khidmat komuniti, 2 kursus dalam teras pengucapan awam, dan 1 kursus dalam teras kesukarelawanan (Lampiran 2).

Sementara itu, 25% dari aktiviti kokurikulum hanya ditawarkan di sekolah menengah kluster & kecemerlangan. Ia merangkumi 9 aktiviti dalam teras sukan, 5 aktiviti dalam teras kesukarelawanan, 5 aktiviti dalam teras kebudayaan, 3 aktiviti dalam setiap teras daya usaha & inovasi, dan khidmat komuniti, dan 1 aktiviti dalam teras keusahawanan (Lampiran 3).

Perbezaan penawaran aktiviti-aktiviti kokurikulum antara sekolah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan menyebabkan penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar tidak dapat

dibentuk secara optimum kerana tiada penjarangan dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di peringkat kedua-dua institusi pendidikan. Universiti penyelidikan tidak dapat menerapkan kemahiran insaniah secara maksimum kerana tiada pendedahan awal di peringkat sekolah menengah, begitu juga aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah menengah yang tidak dapat diperluaskan di peringkat pengajian tinggi.

5.0 KESIMPULAN

Kemahiran insaniah adalah kemahiran yang penting dalam pembinaan syahsiah pelajar. Ia boleh diterap dan digilap melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah menengah dan universiti. Namun, hasil kajian mendapati terdapat banyak aktiviti-aktiviti kokurikulum yang tidak mempunyai penjarangan di antara sekolah menengah kluster & kecemerlangan dan universiti penyelidikan. Perkara ini akan menjejaskan pembentukan dan pembinaan syahsiah pelajar-pelajar cemerlang di peringkat menengah dan universiti.

6.0 PERAKUAN

Artikel ini merupakan kajian yang dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran PPP/FBU/ULUM/30/15512 yang bertajuk Tahap Kemahiran Insaniah Di Kalangan Pelajar Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah dan USIM.

Rujukan

- Akhmal Annas, H., Hussin, S., Ismail Sabri, N., Rohana, H., & Muhammad Sukri, S. (2011). Pendidikan, kurikulum, dan masyarakat: Satu integrasi. *Journal of Edupres*, 1(9), 350–356.
- Annamalai, M., Othman, A. T., & Abdullah, A. G. K. (2007). Pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap pencapaian kemahiran insaniah murid. Retrieved from <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/53.pdf>.
- Azim, M. K., Hazrul Izuan, S., & Mohd Sofiean, B. (2013). Pelaburan awal modal manusia dari perspektif penglibatan aktiviti ko-kurikulum kepada tempoh pengangguran siswazah malaysia. *Prosiding PERKEM VIII*, 3(2013), 1099–1107.
- Azmi Shah, S., Mohd Fariiqul Amin, M. R., & Rosli. (2010). *Persepsi pelajar spi terhadap amalan kemahiran insaniah dalam pembelajaran*. Retrieved from http://eprints.utm.my/10256/2/Mohd_Fariiqul_Amin_Bin_Mohd_Rosli.pdf
- Esa, A., Mohamad, B., Mohd Salleh, B., & Awang, F. (2008). Penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan melalui pembelajaran koperatif: Tinjauan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan Universiti Teknologi Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. 22–23.
- Fauziah, E., & Rozita, M. (2014). Pencapaian kemahiran insaniah melalui aktiviti kokurikulum dan hubungannya dan pencapaian akademik pelajar polis. Conference in Education-Technical Vocational Education & Training, (pp. 452–468). Mersing, Johor.
- Habib, M. S., & Syed Kamaruzaman, S. A. (2011). Komitmen guru dalam pelaksanaan kurikulum dan inovasi berkesan. *Masalah Pendidikan*, (34), 99–119.
- Hairi, F., Ahmad Toe, M. N., & Razzaly, W. (2011). Employers' perception on soft skills of graduates: a study of intel elite soft skill training. International Conference on Teaching & Learning in Higher Education. (pp. 1-8).
- Hashim, F. @ M.A. & Hasmadi, M. S. (2005). Penerapan kemahiran insaniah di sekolah menengah

- teknik: Satu analisis perbandingan. (Projek tahun akhir), Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Julinawati, S., Mohammad Rezal, H., Bahari, A., & Ku Daud, K. A. (2012). Semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa melayu di IPTA: Satu tinjauan ke arah pembentukan pendidikan kesukarelawan, seminar pendidikan melayu antarabangsa, (pp. 74-83). Putrajaya, Malaysia.
- Kee, C. P., Ahmad, F., Ibrahim, F., & Nie, K. S. (2012). Correlating graduate marketability dimensions with the measurements of university-student relationship. *Asian Social Science*, 8(6), 63–73.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Keong, P. P. (2014). *Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di politeknik KPM*. (Master's Thesis), Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Mohamad Zaid, M., Nordiana, M. N., Khairol, M. S., Ahmad Rizal, M., Badaruddin, I., Norlisa, S., & Abdul Rashid, R. (2008). Pelaksanaan Modul Soft Skills di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding SKIKS 08, 1*, 187–201.
- Mohd Fazli, H., Suhaida, A. K., & Soaib, A. (2013). Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 1–9.
- Mohd Hafeez Al-Amin, A. W. (2013). *penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang kejuruteraan mekanikal di UTHM*. (Master's Thesis), Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Noor Azean, A., & Lynn, K. V. (2010). *Penerapan kemahiran insaniah di kalangan guru pelatih yang mengambil kursus sains komputer di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/11357/>
- Nor Hayati, F. T., Bani Hidayat, M. S., Mohd Huzair, i A. @ H., Hajarul Bahti, Z., Nabiroh, K., & Jamil, A. (2010). Pembangunan negara melalui pendidikan kemahiran insaniah, Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education, (pp. 292-301). Bandung, Indonesia.
- Nor Hidayah, A. D. & Yusmaria, M. Y. (2014). *Persepsi pelajar terhadap penglibatan aktiviti kokurikulum di kolej komuniti Hulu Langat*. Paper presented at Kolokium Penyelidikan & Inovasi Wilayah Selangor.
- Norani, M. N., & Sazalie, S. (2010). *Penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10527/>
- Norervina, J. (2009). *Penglibatan pelajar wanita tahun akhir Fakulti Pendidikan dalam aktiviti sukan di UTM*. (Projek tahun akhir),Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Omar, N. H., Manaf, A. A., Mohd, R. H., Kassim, A. C., & Aziz, K. A. (2012). Graduates' employability skills based on current job demand through electronic advertisement. *Asian Social Science*, 8(9), 103–110.
- Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah. (2017). Retrieved from <http://ppki.usim.edu.my/en/program/kursus-kokurikulum-berkredit/8-teras-kokurikulum>
- Ritchie, J., & Spencer, L. (2002). Qualitative data analysis for applied policy research. *The Qualitative Researcher's Companion*, 573(2002), 305-329.
- Rodiah, I., Siti Rahayah, A., & Noriah, M. I. (2009). Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal , penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar universiti kebangsaan, *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 6, 103–140.
- Yusof, N., Jamaluddin, Z., & Mat Lazim, N. (2013). Persepsi pelajar prasiswazah terhadap kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16,

77-92.

Yusof, N., Lazim, N. M., & Jamaluddin, Z. (2013). Persepsi pelajar prasiswa terhadap program pembangunan kebolehpasaran siswazah: Kes Universiti Sains Malaysia, *International Journal of Environment, Society and Space*, 1(1), 43-61.

Lampiran 1

Senarai aktiviti-aktiviti kokurikulum yang mempunyai persamaan antara sekolah kluster kecemerlangan dan universiti penyelidikan.

Teras Kemahiran Insaniah	Aktiviti kokurikulum	SMKK	UP	Catatan
Sukan	Taekwando	√	√	
	Badminton	√	√	
	Bola Baling	√	√	
	Bola Jaring	√	√	
	Bola Keranjang	√	√	
	Bola Sepak	√	√	
	Bola Tampar	√	√	
	Boling	√	√	
	Ping pong	√	√	
	Ragbi	√	√	
	Sepak Takraw	√	√	
	Sofbol	√	√	
	Tenis	√	√	
	Skuasy	√	√	
	Memamah	√	√	
	Hoki	√	√	
	Kriket	√	√	
Kesukarelawanan	Kor Kadet Polis	√	√	Kor SUKSIS - Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi
	Pasukan Kadet Pertahanan Awam	√	√	SISPA Kor Sukarelawan Siswa Siswi Pertahanan Awam
	Persatuan Pengakap Malaysia	√	√	Pengakap Kelana Siswa
	Persatuan Bulan Sabit Merah	√	√	
	Persatuan Pandu Puteri	√	√	Pandu Puteri
	Persatuan St. John Ambulans	√	√	St. John Ambulance
Daya Usaha & Inovasi	Rekacipta	√	√	Inovasi dan Rekacipta
	Kelab Seni Foto	√	√	Fotografi
Kebudayaan	Pancaragam	√	√	
Kepimpinan	Bimbingan & Kaunseling (PRS)	√	√	Pembimbing Rakan Sebaya, Kaunselor Siswa
Keusahawanan	Usahawan Muda	√	√	Asas Keusahawanan

*Terdapat perbezaan dari segi nama aktiviti-aktiviti kokurikulum bagi teras kesukarelawanan, daya usaha dan inovasi, kepimpinan, dan keusahawanan.

Lampiran 2

Senarai aktiviti-aktiviti Kokurikulum Yang Ditawarkan di Universiti Penyelidikan sahaja

Teras	Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kluster & Kecemerlangan
Sukan	Catur
	Kelab Olahraga
	Pentanque
	Permainan Dalaman
	Wushu
	Woodball
	Scrabble
	Pengawas Sukan
	Sorak
Kesukarelawanan	Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia
	Pergerakan Puteri Islam Malaysia
	Persatuan Kadet Bersatu Malaysia
	Kadet Remaja Sekolah
Kebudayaan	Renjer Puteri
	Kebudayaan & Muzik
	Drama
	Orkestra
	Pendidikan Seni
Daya Usaha & Inovasi	Pancaragam
	Seni Visual
	ICT
Khidmat Komuniti	Sidang Redaksi Sekolah
	Pencinta Alam
	Pengguna

Sukan	Silat
	Silambam
	Karate Do
	Ekuestrian
	Kembara Alam
	Futsal
	Golf
	Hoki
	Kriket
	Senamrobik
Daya Usaha & Inovasi	Renang
	Selaman Skuba
	Aikido
	Kraf tangan
	Batik Canting
Kepimpinan	Seni Sulaman Benang dan Manik Labuci
	Pengurusan Taman
	Seni Grafik
	Pencarian Maklumat
Khidmat Komuniti	Imam dan Muazin
	Protokol dan Etiket Sosial
	Pengurusan Majlis
Pengucapan Awam	Pengurusan Acara
	PEMADAM
Kesukarelawanan	Bakti Siswa
	Pengurusan Masjid
	Budi Penyayang
	Asas Pengucapan Awam
	Seni Penghujahan
	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)

Lampiran 3

Senarai aktiviti-aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di sekolah menengah kluster & kecemerlangan sahaja

Teras	Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kluster & Kecemerlangan
Sukan	Catur
	Kelab Olahraga
	Pentanque
	Permainan Dalaman
	Wushu
	Woodball
	Scrabble
	Pengawas Sukan
	Sorak
	Kesukarelawanan
Pergerakan Puteri Islam Malaysia	
Persatuan Kadet Bersatu Malaysia	
Kadet Remaja Sekolah	
Renjer Puteri	
Kebudayaan	Kebudayaan & Muzik
	Drama
	Orkestra
	Pendidikan Seni
	Pancaragam
InovasiDaya Usaha &	Seni Visual
	ICT
	Sidang Redaksi Sekolah
Komuniti Khidmat	Pencinta Alam
	Pengguna
	Pencegahan Jenayah
Kepimpinan	Rukun Negara
Keusahawanan	Koperasi